




UNIVERSITI SAINS MALAYSIA




Institute of Postgraduate Studies



The 5th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW10)

2010
21-22 September



Jointly Organised by:

Centre for Islamic Development Management Studies (ISDEV) and
Institute of Postgraduate Studies (IPS)
Universiti Sains Malaysia

61. **Prinsip Tauhid Ideasional Dalam Hubungan Islam dan Agama-Agama Lain: Analisis Peranannya Menurut Ismail Raji Al-Faruqi**
 - Ahmad Sabri Osman
62. **Doing Research in Islamic Hospitals: The Provision of Female Inpatients 'Awrah' and Issues Relating to It**
 - Ahmad Ezainuddin Badarudin
63. **Sejarah Ketenteraan Banu Marin: Satu Kajian Terhadap Aspek Kelengkapan dan Persenjataan Tentera**
 - Mohamed Zulfazlee Abul Hassan

Session 3D – Human Development III & Banking

Resource Person : Dr. Nailul Murad
 Session Chair : Mr. Warjio
 Venue : Seminar Room D

64. **Hubungan Keperibadian dan Kesan Terhadap Perilaku Pengguna Bank Islam di Aceh - Indonesia: Suatu Kerangka Model Konseptual**
 - Ahmad Nizam
65. **Islamic Bank Stability and the Economy**
 - Mohamad Helmi Hidthiir
66. **A Study on Technostress and its Coping Strategies From the Islamic Perspective**
 - Maimunah Mohd Shah
67. **Imam Al-Ghazali and the Mental Health**
 - Omar Al-Amari M. Al-Shbaili
68. **Polemik Lembaga Pelatihan Emotional Spiritual Quotient Leadership Center (ESQ-LC) di Indonesia: Suatu Pernyataan Permasalahan Kajian**
 - Azuar Juliandi

Session 3E – Human Development IV

Resource Person : Dr. Fadzila Azni Ahmad
 Session Chair : Ms. Siti Rushada Md Zainuddin
 Venue : Seminar Room E

69. **Personaliti , Akhlak dan Tanggungjawab Usahawan Muslim: Kajian Teoritikal Menurut Perspektif Islam**
 - Yazilmiwati Yaacob
70. **Perangkap Hutang: Konsep Akhlak Mazmumah dan Keburukannya Dalam Amalan Berhutang Menurut Islam**
 - Mohd Kamal Azman Jusoh
71. **Dualisme Dalam Pendidikan dan Pengaruhnya Terhadap Pembentukan Nilai dan Identiti Pelajar**
 - M. Hasyim Mustamin
72. **Kaedah Pembangunan Rohani: Suatu Analisis Ke Atas Kaedah Pembangunan Rohani di Sekolah Menengah Agama Rakyat Bantuan Kerajaan Daerah Seberang Perai Utara**
 - 'Imaaduddin Abdul Halim

**DUALISME DALAM PENDIDIKAN DAN PENGARUHNYA TERHADAP
PEMBENTUKAN NILAI DAN IDENTITI PELAJAR**

M. Hasyim Mustamin

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

Universiti Sains Malaysia

11800 USM, Pulau Pinang

Tel: 016-3861613

E-mel: syim_mustamin@yahoo.com

Dualisme adalah suatu konsep yang berhubungan dengan kewujudan dua elemen yang berbeza pada suatu benda atau perkara. Asal-usul idea ini pada hakikatnya merupakan doktrin falsafah dan metafizik yang lahir dari alam pikiran para ahli falsafah Barat. Faham dualisme dan sekulerisme yang menjadi doktrin falsafah Barat bagaimanapun menjadikan ilmu dan agama terpisah serta memberi impak terhadap faham dan corak keilmuan di negara-negara muslim. Ilmu pengetahuan dan agama di Barat harus dipisahkan (sekuler). Agama difahami sekedar hanya berkaitan dengan urusan pribadi dan peribadatan, sehingga sumber untuk mendapatkan ilmu pengetahuan terhad pada bentuk rasionalisme dan empiricisme yang sama sekali tidak memberikan tempat bagi agama (wahyu) sebagai salah satu sumber ilmu. Akibat pengaruh sekulerisme dan modenisme, masyarakat Islam mengalami transformasi nilai dan identiti yang melibatkan perubahan dalam amalan hidup beragama dan tafsirannya terhadap agama. Perkara ini memunculkan nilai-nilai baru yang akan berhadapan dengan nilai yang berkembang dari doktrin-doktrin agama dan telah meresap masuk ke seluruh aspek kehidupan baik dari aspek pemikiran, tindakan dan amalannya sehari-hari melalui sistem pendidikan keluarga, sekolah mahupun persekitaran sosial. Berlakunya Penjajahan dan modenisasi dikenalpasti menjadi penyebab awal berlakunya amalan dualisme pendidikan, iaitu apabila terjadi pertembungan ideologi dan corak keilmuan yang diajarkan antara sekolah bentukan penjajah dan institusi pendidikan umat Islam yang telah sedia ada dan diamalkan sebelum datangnya penjajah. Kewujudan dua sistem pendidikan yang terpisah iaitu moden sekuler (kebangsaan) dan tradisional agama (keagamaan) yang berlainan baik dari aspek sejarah dan falsafahnya menjadi penghalang bagi mewujudkan personaliti individu mahupun masyarakat muslim sejati. Pelbagai perilaku dan budaya yang tidak mencerminkan nilai-nilai dan identiti keislaman yang berlaku pada diri pelajar pada masa ini akan dilihat menerusi kewujudan sistem dualisme pendidikan tersebut. Oleh itu, matlamat utama kajian ini ialah untuk mengenalpasti pengaruh dualisme pendidikan terhadap pembentukan nilai dan identiti pelajar. Faktor-faktor yang menyumbang kepada berlakunya corak dualisme dalam fahaman dan amalan pendidikan akan dilihat pengaruhnya terhadap nilai pribadi, nilai sosial dan orientasi nilai. Begitu pula halnya dengan identiti pribadi, identiti kelompok dan identiti sosial. Kajian ini akan menggunakan pandangan alam Islam (*Islamic Worldview*) dalam menentukan tahap nilai dan identiti pelajar.

**KAEDAH PEMBANGUNAN ROHANI: SUATU ANALISIS KE ATAS KAEDAH PEMBANGUNAN ROHANI DI
SEKOLAH MENENGAH AGAMA RAKYAT BANTUAN KERAJAAN DAERAH SEBERANG PERAI UTARA**

'Imaaduddin Abdul Halim

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan

Universiti Sains Malaysia

11800 USM, Pulau Pinang

E-mel: rilex_crew@yahoo.com

Pembangunan rohani merupakan satu elemen yang penting dalam pencegahan masalah gejala sosial di kalangan pelajar pada masa kini. Pembangunan rohani ini bukan sahaja perlu dititikberatkan kepada para pelajar sekolah harian biasa tetapi juga perlu melibatkan para pelajar yang mempunyai latar belakang pengajian dan pembelajaran agama. Pembangunan rohani yang perlu dilakukan ialah pembangunan seiring dari segi semua aspek iaitu aspek jasmani, emosi dan intelek yang berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Pembangunan rohani yang berkesan mampu melahirkan individu berbudi pekerti baik dan unggul. Seseorang manusia itu harus dibimbing rohaninya agar sentiasa dalam keadaan terpelihara daripada sifat-

DUALISME PENDIDIKAN DI INDONESIA DAN PENGARUHNYA TERHADAP PEMBENTUKAN NILAI DAN IDENTITI PELAJAR¹

M. Hasyim Mustamin
Aswati Hamzah (PhD)
Najeemah Mohd. Yusof (PhD)

*Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
Universiti Sains Malaysia
11800, Penang*

ABSTRAK

Pembentukan nilai dan identiti sangat berkait rapat dengan pendidikan. Peranan pendidikan bukan setakat yang berlangsung dalam sistem pendidikan negara sahaja. Bahkan segala bentuk pendidikan yang diperolehi di luar sistem pendidikan formal seperti persekitaran keluarga, rakan sebaya, masyarakat dan pengaruh media juga menyumbang terhadap pembentukan nilai dan identiti yang mendasari pembentukan personaliti dan tingkah laku individu. Personaliti individu pelajar yang terbentuk daripada sistem pendidikan terangkum di dalamnya pandangan dunia pelajar, pegangan dan pandangan hidup serta nilai-nilai dan identiti yang menjadi asas terhadap tindakan dan tingkah laku dalam kehidupan harianya. Kewujudan dualisme pendidikan yang memisahkan antara sekolah aliran kebangsaan dan keagamaan yang masih terus diamalkan di beberapa negara yang majoriti penduduknya Islam seperti Indonesia dilihat memberi pengaruh dan menjadi alat sosialisasi pembentukan nilai dan identiti pelajar secara khusus dan masyarakat secara umum. Terdapat banyak pendapat dan kritikan daripada para cendekiawan dan ilmuan Islam berhubung kesan sistem pendidikan dualisme. Sistem pendidikan dualisme dilihat antara faktor yang paling ketara menyumbang kepada fenomena kerapuhan jati diri dan keterpesongan pegangan nilai dan identiti remaja Islam hari ini. Faktor-faktor keruntuhan akhlak dan moral serta munculnya gejala sosial negatif yang berlaku di kalangan individu dan juga masyarakat banyak dikaitkan dengan amalan pendidikan yang bercorak dualistik yang berpanjangan. Justeru itu, kertas kerja ini bertujuan membincangkan secara ringkas analisis pengaruh dualisme pendidikan terhadap pembentukan nilai dan identiti pelajar dalam kalangan pelajar sekolah aliran kebangsaan dan keagamaan di Indonesia. Perbincangan juga di sokong dengan dapatan kajian awal yang melibatkan remaja Islam di Indonesia.

Kata Kunci: *Dualisme pendidikan, nilai, identiti, pelajar*

¹ Kertas kerja ini dipresentasikan pada The 5th ISDEV International Graduate Workshop (INGRAW 10), Universiti Sains Malaysia, 2012.

PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan prasyarat utama untuk meraih kembali kegembilangan nilai dan identiti umat Islam masa kini, melalui pemikiran, perwatakan dan tindakan mereka yang memancarkan Islam sebagai gaya hidup. Justeru para orang tua dan guru serta persekitaran sosial masyarakat bertanggung jawab untuk mempastikan setiap remaja Islam menerima pendidikan dan pengetahuan Islam sebenar bagi membentuk kepribadian Muslim ideal yang bersepadu dan seimbang. Pengetahuan Islam akan terbentuk apabila didasarkan pada pandangan hidup Islam. Namun persoalannya adalah bagaimanakah menghasilkan pelajar yang sepadu jasmani rohaninya apabila dalam sistem pendidikan masih mengamalkan dualisme pendidikan yang melahirkan dua corak pandangan hidup orang Islam yang berbeza?

Kewujudan dua sistem pendidikan yang terpisah, iaitu sistem pendidikan moden-sekuler (sekolah) dan tradisional agama (madrasah dan pesantren) telah menjadi persoalan yang terus diperdebatkan secara serius oleh para sarjana dan cendekiawan Islam sejak Persidangan Dunia Pertama Pendidikan Islam yang berlangsung di Mekah pada tahun 1977. Fenomena dualisme pendidikan ini dikatakan oleh Syed Sajjad Husain & Syed Ali Ashraf (1989) sebagai bentuk wujudnya krisis dalam pendidikan Islam. Begitu pula Syed Ismail Raji al-Faruqi (1991) menghuraikan bahawa krisis dan penyakit yang berlaku di kalangan umat Islam adalah keruntuhan intelektual kerana masih diamalkannya corak dualisme pendidikan. Syed Naquib al-Attas (2007) melihat krisis ini sebagai krisis keilmuan yang menjadi masalah dan cabaran terbesar yang dihadapi oleh umat Islam pada masa kini. Krisis konsep ilmu berkait rapat dengan sistem nilai dan pandangan hidup (worldview) yang menjadi pegangan sesebuah masyarakat. Kerosakan ilmu ini sebagai akibat kekeliruan umat Islam sendiri, dan meresapnya pengaruh fahaman dualisme dan sekularisme yang berasal dari falsafah dan sains serta cara dan gaya pemikiran dan tamadun Barat.

Sistem pendidikan yang berjalan secara dualistik dan berasingan ini secara tidak disedari masing-masing menjadi ejen sosialisasi pembentukan nilai dan identiti. Sosialisasi ini melalui mekanisma pengajaran dan pembelajaran di sekolah, interaksi sosial dalam keluarga dan juga masyarakat. Ciri pendidikan yang terbelah dan terpisah ini akan menentukan kualiti akal dan fikiran serta emosi yang membentuk perwatakan dan tingkah laku individu, keluarga atau ibu bapa mahupun masyarakat. Mengikut Khairil Anwar & Khaizir Hj. Ismail (2009), apabila kualiti pembelajaran yang membentuk cara berfikir seseorang itu dari sumber-sumber pendidikan yang berasaskan falsafah sekular-materialistik, maka akan muncul nilai, sikap, personaliti dan tingkah laku yang sekular materialistik. Begitu pula sebaliknya apabila yang memberi asas cara berfikir dari sumber pendidikan spiritual-idealistik yang benar maka akan muncul nilai, sikap, personaliti dan tingkah laku yang benar.

Justeru mengikut Ghazali Basri (2000), pelajar di sekolah yang hanya didehdahkan dengan pembelajaran sains semata-mata akan memiliki kekurangan dari segi penghayatan agama sehingga lebih mudah terdedah kepada tindakan yang tidak bermoral. Manakala pelajar yang lebih banyak hanya didehdahkan dengan pembelajaran agama lebih memungkinkan memiliki penghayatan yang tinggi terhadap ajaran agama namun kekurangan dari aspek kemahiran dan kreativiti. Begitu pula dengan sikap dan pendidikan ibu bapa di rumah apabila lebih berorientasi terhadap didikan fizikal material ataupun

ruhani sahaja, akan memberi kesan kepada pertumbuhan kanak-kanak masing-masing keluarga dan persekitarannya. Dikotomi demikianlah yang berlaku dalam sistem pendidikan di Indonesia yang memperlihatkan situasi dualisme dan pertembungan antara konsepsi yang berasal dari warisan keilmuan penjajah Barat dan Timur Tengah. Dualisme pendidikan ini wujud dari peringkat rendah hingga perguruan tinggi yang berbeza dari segi matlamat, falsafah, kurikulum dan pelaksanaan pendidikan serta pentadbirannya sama ada di bawah Kementerian Pendidikan Nasional mahupun Kementerian Agama (Azyumardi Azra 2002; Muslih Usa, 2005).

DUALISME, SEKULARISME DAN DUALISME PENDIDIKAN

Dualisme merupakan suatu teori yang berasaskan kepada dua dasar yang berlainan (Kamus Dewan Edisi Baru, 2002), pembagian di dua kumpulan yang saling bertentangan (Kamus Besar Bahasa Indonesia, 1989). Istilah dualisme juga dipadankan penggunaannya dengan dikotomi. Dikotomi seperti di takrifkan dalam kamus Inggris-Indonesia John M. Echols & Hassan Shadily (1992) juga bermakna pembahagian menjadi dua, pembelahan dua, bercabang dua bahagian. Secara terminologi dalam konteks ilmu dan pendidikan, dikotomi dipahami sebagai pemisahan antara ilmu dan agama yang kemudian berkembang adanya dikotomi lainnya, seperti dikotomi ulama dan intelektual, dikotomi dalam dunia pendidikan umat Islam dan bahkan dikotomi dalam diri (*split personality*) muslim itu sendiri (Ahmad Watik Pratiknya, 1991). Mengikut Ahmad Mohammad Said (1996), walaupun pengertian dualisme agak umum, ia masih dapat menjelaskan tentang dua perkara yang berbeza. Misalnya dualisme yang tercermin dalam sistem pendidikan di negara-negara Islam seperti Indonesia-Malaysia yang memperlihatkan adanya sistem pendidikan agama dan sistem pendidikan umum sekular. Mengikut kajian Khadijah Zon (1988), Rosnani Hashim (1996), mendapati kedua-dua sistem pendidikan ini mempunyai dasar sejarah, falsafah dan matlamat, serta kurikulum yang berbeza.

Asal-usul faham dualisme pada hakikatnya merupakan doktrin falsafah dan metafizik yang lahir dari alam pikiran para ahli falsafah Barat. Sebagaimana dinyatakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1978) konsep dualisme terkandung dalam pandangan hidup tentang alam (*world view*), serta nilai-nilai yang membentuk budaya dan peradaban Barat. Ia terbentuk dari buah fikiran, nilai, kebudayaan, kepercayaan, falsafah, dogma, doktrin dan teologi yang bertentangan yang kesemuanya mencerminkan pandangan dualistik secara keseluruhan mengenai hakikat dan kebenaran. Pandangan dualisme mengenai hakikat alam dan kebenaran bukan berdasarkan kepada pengetahuan yang diserahkan atas dasar melalui kepercayaan agama atau diwahyukan, tapi didasarkan atas falsafah yang berasaskan penilaian rasio manusia yang bergantung kepada ruang dan waktu. Corak perkembangan faham dualisme di Barat wujud dalam semua aspek kehidupan dan falsafah konon diwarisi sejak dari zaman Yunani (Hamid Fahmi Zarkasyi, 2009). Dalam falsafah, kegunaan dua prinsip atau elemen dalam dualisme adalah untuk menganalisa proses mengetahui (*dualisme epistemology*), dalam metafizik adalah untuk menerangkan semua hakikat atau beberapa aspek berhubung dengannya. Berlakunya pertentangan atau dualisme ontologi diantara dunia *fenomenal* (yang dapat ditanggapi oleh deria) dan dunia *noumenal* (yang tak dapat dicapai oleh pengalaman), juga dualisme epistemologi iaitu diantara sifat pasif deria sensasi (*passivity of sensation*) dan pemahaman secara spontan (*spontaneity of the understanding*) merupakan contoh antara perkembangan dualisme dalam metafizik dan falsafah moden. Disamping itu, ia juga merujuk kepada pertentangan diantara benda dan roh, jasad dan fikiran (*body and mind*), baik dan jahat, Tuhan atau agama (*god*) dan dunia (*world*) serta ruhani

(spirit) dan benda (matter). Dalam kepercayaan, metafizik dan ilmu, dualisme mempengaruhi serta menentukan nilai-nilai yang juga bersifat dualistik. Ia mempengaruhi proses untuk memahami, menganalisa dan menghuraikan hakikat ilmu dan kebenaran (Ahmad Mohd. Said, 1996). Istilah-istilah seperti *sacred* (kudus) dan *profane* (dunia), *religious* (keagamaan), dan *secular* (terpisah dari norma agama), *natural* (semulajadi) dan *supernatural* (diluar kejadian biasa), *church* (gereja atau agama) dan *state* (Negara atau politik) juga subjek (*subject*), dan objek (*object*) merupakan antara istilah-istilah yang sering merujuk kepada fahaman dualisme (Mohd. Idris Jauzi, 1990: 18).

Selain pemisahan antara yang objektif dan subjektif adalah dikotomi antara nilai dan fakta, realiti objektif dan subjektif, antara yang mengamati (pemerhati) dan dunia luaran (Risieri Frondizi, 2007; Ziauddin Sardar, 1998). Kedua-duanya terpisah dan berada di kedudukannya masing-masing. Dalam pandangan Barat, nilai adalah bersifat idea, abstrak yang hanya dapat dihayati. Sedangkan fakta adalah kenyataan (realiti) yang dapat diketahui. Apa yang dapat diketahui secara nyata dan faktual, itulah kebenaran dan penghayatan adalah persoalan kepuasan yang merujuk kepada hati individu. Maka persoalan nilai bukan benar-salah, dikehendaki atau tidak, disenangi atau tidak tapi bersifat subjektif. Nilai dengan fakta harus dipisahkan kerana fakta tetap fakta yang tidak boleh diwarnai oleh nilai-nilai tertentu. Persoalan etika dan nilai moral dinilai dan ditafsir (Mujammil Qomar, 2005). Ilmu atau sains apapun termasuk sains sosial harus objektif tidak boleh terpengaruh oleh tradisi, ideologi, agama maupun golongan. Sedangkan faktor kemanusiaan lebih menekankan pendekatan rasa manusiawi dan moral yang bersifat subjektif dalam menyikapi sesuatu kebenaran yang sering kali mengalahkan objektiviti. Ketika berlaku percanggahan antara moraliti dan objektiviti, ilmu-ilmu sosial memihak pada objektiviti sedangkan kemanusiaan memihak moral. Begitu pula halnya dengan pengamat dan objek yang diamati (dunia luaran). Pengamat tidak boleh melibatkan sesuatu yang ada pada dirinya kedalam objek agar tidak mengurangi kemurnian objek tertentu. Objek harus dinyatakan sesuai dengan kenyataan yang ada padanya tanpa ditambahi atau dikurangkan. Dalam faham dualisme, kenyataan seperti inilah yang boleh dijadikan sebagai pegangan oleh ilmu sebagai kebenaran. Corak pandang dualisme ini memungkinkan munculnya pelbagai teori-teori dan pendekatan kajian pada setiap disiplin ilmu dan sains sosial yang setiap satunya berdiri kukuh dan seakan-akan saling mempertahankan untuk menampakkan kebenarannya masing-masing.

Walaubagaimanapun, berlakunya dualisme pendidikan bukan berasal dari faham dualisme, tetapi berasal dari sekularisme. Sekularisme dikatakan sebagai bentuk dualisme baru dalam falsafah Barat moden. Fahaman sekularisme tidak dapat dipisahkan dari faham dualisme yang asal kerana ia berasal dari kandungan fahaman tersebut. Sekularisme menolak atau memisahkan agama atau ciri-ciri keagamaan daripada urusan-urusan yang tidak bersangkutan dengan agama. Istilah sekular yang berasal dari perkataan Latin, *saeculum*, membawa dua konotasi makna, iaitu masa dan tempat. Masa yang dimaksud adalah masa kini, dan tempat pula dunia ini atau keduniaan dan alam fizik ini sahaja yang merupakan kebenaran hakiki. Masa lalu dan masa depan, dan alam metafizik bukan merupakan kebenaran hakiki tersebut (Ahmad Mohammad Said, 1996). Justeru itu, agama yang berteraskan kepercayaan kepada yang ghaib, Tuhan, wahyu dan akhirat dianggap sebagai takhyul dan tidak masuk akal. Natijah daripada proses sekularisasi manusia membebaskan diri dari agama yang terlihat daripada pandangan hidupnya yang menganggap hidup dan kehidupan itu hanya di dunia ini (Harvey Cox, 1965). Atau paling tidak, agama dilihat hanya sebagai urusan pribadi. Secara lebih ekstrimnya lagi agama dianggap sebagai produk budaya

yang dicipta oleh masyarakat sebagaimana dapat kita lihat dalam pandangan negatif para tokoh dan ilmuwan Barat seperti Karl Max, Sigmund Freud dan sebagainya.

Mengikut Ahmad Mohammad Said, 1996) bentuk dualisme yang wujud dalam fahaman sekular telah berubah daripada dualisme asal. Jika dalam dualisme yang asal kebenaran hakiki ada pada sifat dualis, ciri dualis dalam sekularisme bersifat sementara kerana kebenaran yang hakiki hanya satu, iaitu alam fizik ini sahaja. Walau bagaimanapun ciri dualis masih ketara, berkesinambungan dan berkekalan. Keadaan ini berlaku kerana intipati fahaman ini yang menjurus kepada alam fizik adalah bertentangan dengan fitrah dan hakikat kejadian insan yang terbina daripada roh (metafizik) dan jasad (fizik). Disamping itu sekularisme yang berteraskan keduniaan dan kebendaan meninggalkan kesan pengaruh yang kuat ke atas falsafah ilmu atau epistemologi Barat. Sekulerisme melahirkan dua faham besar, iaitu rasionalisme dan positivism atau empirikisme. Untuk mencapai, memahami dan menganalisis ilmu dan kebenaran tertumpu sepenuhnya kepada akal rasional manusia semata. Kebenaran ilmu diiktiraf apabila bersifat rasional, saintifik, objektif dan neutral (bebas nilai). Justeru itu ilmu yang berasal dari wahyu atau agama tidak dianggap sebagai ilmu kerana tidak memenuhi nilaitara tersebut dan dianggap tidak rasional, subjektif penuh prasangka. Konsepsi dasar ilmu atau epistemologi yang berlainan antara Barat dan Islam melahirkan wujudnya dualisme pendidikan yang diamalkan dalam sistem pendidikan di negara umat Islam akibat kemasukan penjajah di negara jajahannya.

KESAN DAN PENGARUH DUALISME PENDIDIKAN TERHADAP SISTEM PENDIDIKAN UMAT ISLAM

Penjajahan dan modenisasi (Rosnani Hashim, 2006) dikenalpasti sebagai penyebab awal berlakunya amalan dualisme pendidikan di negara-negara umat Islam, iaitu apabila terjadi pertembungan ideologi dan corak keilmuan yang diajarkan antara sekolah bentukan penjajah Belanda dan institusi pendidikan umat Islam. Dalam usaha untuk menukar pikiran rakyat yang dijajah dan menjamin penerimaan mereka terhadap nilai-nilai baru sehingga mereka dapat menerima penjajah, maka pendidikan dilihat sebagai yang penting bagi mencapai matlamat tersebut. Hal ini ditegaskan oleh Christian Snouck Hungronje (1857-1936M.), penasihat Belanda di Indonesia bahawa cara yang paling berkesan untuk menjamin penjajahan fikiran dan penanaman kebudayaan Barat terlaksana dengan jayanya ialah melalui pendidikan: "...pendidikan dan pengajaran sanggup membebaskan kaum muslimin dari agamanya..." (Hashem, 1988: 24).

Institusi atau lembaga pendidikan tradisional seperti *pesantren* (Jawa) *surau* (Minangkabau) *rangkang* (Aceh) di Indonesia dan *pondok* di Malaysia dicatat sebagai lembaga pendidikan pertama yang wujud jauh sebelum datangnya penjajah dalam sejarah pendidikan di nusantara (Mahmud Yunus, 1960; Haidar Putra Daulay, 2007). Walaubagaimanapun, bukan institusi pendidikan ini yang dijadikan sebagai dasar pengembangan pendidikan berikutnya. Perkara ini berlaku kerana menurut perancang pendidikan kolonial Belanda (Karel A. Steenbrink, 1994), pendidikan keagamaan tradisional itu memiliki kebiasaan buruk seperti mementingkan kaedah hafazan daripada pengertian. Walaupun sebenarnya sistem pendidikan tradisional itu dapat berubah. Terdapat alasan-alasan politik dan kepentingan yang bertentangan antara pemerintah kolonial sendiri dengan masyarakat pribumi. Sistem pendidikan yang telah dibangunkan semua ada dalam bahasa penjajah atau dalam bahasa tempatan merupakan replika sistem pendidikan di Negara-negara penjajah. Ini bererti falsafah, konsep dan nilai-nilai yang terkandung dalam imu pengetahuan

dan pendidikan menyerupai apa yang dipraktikkan di Barat. Bagi pihak penjajah, mengembangkan pendidikan agama tradisional bererti sama sahaja dengan mengembangkan suatu sistem pendidikan yang dari segi apapun tidak memberi keuntungan terhadap pengaruh dan kewibawaan pemerintah kolonial (Anas Saidi, 2004). Sementara bagi orang Islam sendiri menurut Steenbrink (1994), tertanam pikiran bahawa pengembangan pendidikan umum adalah upaya pembaratan yang tujuan akhirnya memperlemah kekuatan Islam. Kedua-dua corak pendidikan ini berkembang secara berkesinambungan dalam sistem pendidikan di Indonesia pada masa kini. Sistem pendidikan yang dibangunkan berasaskan ilmu yang rasional-empirik adalah warisan penjajah, sedangkan sistem pendidikan Islam yang berasaskan ilmu agama adalah warisan dari pengaruh pendidikan Timur Tengah.

Pendidikan di Indonesia akhirnya berkembang secara dualistik yang menampilkan adanya dua sistem pendidikan yang terpisah satu sama lain yang ditadbir oleh dua kementerian. Kementerian Pendidikan Nasional mengurus dan mentadbir sekolah umum kebangsaan daripada tadika hingga peringkat universiti. Begitu pula Kementerian Agama mengurus sekolah keagamaan seperti madrasah dan pesantren (Muslih Usa, 2005). Dualisme institusi pemerintah yang melakukan pembinaan pendidikan itu pada aspek pelaksanaannya menimbulkan dualisme penyelenggaraan institusi pendidikan yang bercorak ganda seperti sekolah dan madrasah dan pesantren, struktur kurikulum yang berlainan, penyediaan tenaga kependidikan (guru), pembiayaan dan pengurusan pendidikan ke atas kedua-dua aliran sekolah tersebut. Peruntukan kewangan pendidikan pemerintah terhadap kedua-dua institusi ini juga masih menunjukkan diskriminasi antara sekolah dan madrasah, apatah lagi sistem pendidikan pesantren. Sekolah umum kebangsaan yang diurus dan ditadbir oleh Kementerian Pendidikan mendapat peruntukan dan perbelanjaan yang jauh lebih besar jika dibandingkan dengan sekolah agama. Ada anggapan sesetengah masyarakat bahawa sekolah agama dan lulusannya digolongkan dalam kelas kedua, kerana dikaitkan dengan kedaifan dan kekurangannya serta peluang pekerjaan bagi para lulusannya (Abdurrahman Saleh, 2000; Azyumardi Azra, 2005).

Dari segi kurikulum, sekolah aliran kebangsaan hampir semua subjek pelajarannya bersifat duniawi (sekuler) yang terlalu mementingkan daya intelek (akal). Menekankan penguasaan ilmu-ilmu akademik dan ketrampilan serta kurang menumpukan aspek mental, kerohanian dan penghayatan agama yang tinggi. Ilmu pengetahuan umum yang mencakupi berbagai disiplin ilmu dan bidang kehidupan manusia jarang sekali di hubungkaitkan dengan agama. Kesan corak pendidikan seperti ini dapat menimbulkan kekosongan jiwa yang akan melahirkan pelajar yang tidak ada keseimbangan antara kehidupan duniawi dengan ukhwawi (Ghazali Basri, 2004). Adapun aliran agama pula, hampir semua pelajarannya hanya menumpukan pada subjek pelajaran ilmu agama yang bahasananya terbatas hanya pada persoalan akidah, ibadah, dan akhlak atau dengan kata lain hanya mempelajari aspek keimanan, ritual dan etika semata tanpa memberikan perhatian yang secukupnya terhadap pelajaran umum. (Mujammil Qomar, 2005; Ahmad Mohd. Said, 1996). Corak persekolahan ini keluarannya akan melahirkan generasi yang hanya pandai dalam bidang agama, tetapi tidak mempunyai bekalan dalam pengetahuan umum yang mencukupi serta ketrampilan dalam menghadapi cabaran dunia yang semakin maju (Tajul Ariffin, 1993; Gamal Abdul Nasir, 2003). Walaupun dalam perkembangannya kedua-dua institusi pendidikan ini ada usaha untuk menghilangkan corak dualisme dengan memberikan pengajaran agama (kerohanian) di sekolah aliran kebangsaan dan pelajaran sains di sekolah aliran keagamaan, tapi tetap saja pengajarannya dipisahkan dengan disiplin-disiplin ilmu akal dan ilmu naqli yang lain.

Melihat kepada akibat dualisme pendidikan tersebut, terdapat jurang yang besar antara dua sistem pendidikan formal tersebut yang dapat dilihat dari sudut penampilan, perwatakan dan pemikiran pelajar yang berbeza di kalangan para graduannya (Najum Mustaq, 2004). Dalam lingkup sosial, akan muncul dua golongan masyarakat Islam iaitu golongan profesional tapi kurang memiliki kefahaman terhadap agama dan golongan religius tetapi tidak berkemahiran untuk membangunkan masyarakat. Begitu pula dalam sistem pentadbiran negara dan politik, ada yang beraliran nasionalis sekular dan nasionalis religius (Anas Saidi, 2004). Situasi ini bukan sahaja merugikan umat Islam tapi dapat membawa kepada masalah perpecahan di kalangan masyarakat Islam dengan wujudnya dua golongan yang berbeza dan bertentangan dalam memahami ilmu, nilai dan identiti; mereka yang terlalu sibuk dengan urusan dunia dan mereka yang hanya menumpukan urusan akhirat (Rosnani Hashim, 1996; Azyumardi Azra, 2002).

Pengaruh dualisme pendidikan tersebut juga terus merebak dan berkembang ke seluruh bidang kehidupan masyarakat, umat dan Negara. Pada zaman penjajahan, ruang untuk ilmu-ilmu agama amat kecil dan terhad. Di sekolah-sekolah penjajah ilmu moden sekular menguasai sepenuhnya kurikulum sekolah-sekolah. Akibat pendidikan yang dirancangkan untuk melahirkan sikap sekular maka terdapat pemimpin masyarakat Islam yang membuat tanggapan bahawa jalan menuju kepada kemajuan Negara-negara Islam hanya boleh dicapai melalui peniruan nilai-nilai, sistem dan struktur kehidupan secara Barat bukan dengan cara menjalankan cara hidup Islam atau berpegang kepada prinsip-prinsip dan nilai-nilainya (al-Maududi, 1982).

Penerapan idea-idea dan konsep dari Barat dalam pemikiran Umat Islam telah mengubah pandangan hidup tentang alam, fikiran dan nilai-nilai Islam yang telah sedia ada dalam diri anak-anak Islam sehingga mereka melihat Islam dari kacamata Barat. Perubahan pandangan alam dan nilai-nilai ini dinamakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas sebagai proses *deIslamisasi* iaitu penyerapan konsep-konsep asing kedalam fikiran orang-orang Islam, dimana ia mengambil tempat serta mempengaruhi fikiran dan kewarasan mereka (al-Attas, 1981). Pandangan hidup Islam yang berasaskan tauhid menggambarkan perlunya dasar integrasi dalam setiap lapangan kehidupan orang Islam (Che Yusoff Che Mamat, 1988).

Konsep-konsep sekular berhubung manusia, masyarakat dan ilmu yang meresapi institusi-institusi pendidikan umat Islam jelas tidak mencerminkan fikiran-fikiran mahupun pandangan Islam Islam. Abul Hasan 'Ali al-Husni al-Nadwi (1968: 187), menyatakan sesungguhnya sistem pendidikan model Barat telah mempengaruhi generasi muda Islam baik di negeri-negeri Arab mahupun di Negara-negara umat Islam lain dengan mengubah pemikiran mereka sehingga sampai ke satu tahap, mereka tidak dapat lagi menerima ajaran Islam yang sebenar dan tidak pula dapat menggabungkan diri mereka dengan masyarakat Islam. Ini kerana melalui penjajahan, konsep pertentangan agama dan sains sebagaimana yang didokong oleh sekularisme diterapkan dalam pelbagai lapangan, termasuk pendidikan. Ia akhirnya membawa kepada konsep dualisme atau dikotomi (Yaakob Yusoff, 1996).

Ruang lingkup agama juga dibataskan kepada hal-hal yang bersangkutan dengan individu keluarga. Malahan bagi sebahagian besar masyarakat kehidupan mereka sudah terpisah sepenuhnya dari agama. Realiti dalam pemikiran, nilai-nilai serta kehidupan barat ini menyerlah dalam sistem pendidikan. Ilmu-ilmu sekular mendapat tempat sepenuhnya dalam sistem pendidikan nasional kebangsaan dan aliran perdana. Sementara ilmu agama terbatas dalam sistem pendidikan tradisional keagamaan yang masih terhad, terpinggir dan terpencil. Justeru itu, kesan yang amat ketara daripada pengaruh dualisme pendidikan dan proses sekularisasi ialah wujudnya dikotomi di dalam fikiran, ilmu dan nilai yang

mencerminkan dualisme, juga krisis dalam diri individu, masyarakat, institusi dan Negara. Dualisme dalam fikiran kesemua pelajar Islam ini terserlah dari pertembungan diantara akal dan wahyu, begitu pula dalam ilmu diantara ilmu *aqli* (sains) dan ilmu *nagli* (agama) yang mengakibatkan adanya pemisahan dan pemetaikan antara ilmu pengetahuan umum dan ilmu pengetahuan agama, manakala dalam nilai pula ialah diantara nilai-nilai tidak kudus (*profane*) dan nilai-nilai kudus (*sacred*). Fikiran dan tingkahlaku agamanya seolah-olah berada dalam satu bendungan, manakala fikiran dan tingkahlaku bukan agamanya (duniawi) berada dalam bendungan lain dan keduanya terpisah jauh Amalan dan dasar pendidikan penjawah yang telah meguasai dunia Islam dan mengongkong pendidikan umat agak sukar untuk dirubah corak dan strukturnya kerana seakan-akan telah sebat atau sudah menjadi satu norma masyarakat Islam. Dominasi pendidikan model Barat dalam sistem pendidikan kontemporari menyebabkan masyarakat Islam berada dalam keadaan dilemma dan tersepit (Ahmad Mohd. Said, 1996: 8-10).

Kaedah pembaratan sistem pendidikan adalah usaha berterusan dunia Barat untuk menjamin supaya pemikiran orang-orang Islam menerima konsep-konsep kebendaan dan sekuler yang melihat kemajuan materil hanya boleh dicapai dengan membebaskan pemikiran manusia dari aspek keagamaan. Dengan mengembangkan idea sekularisme sebagai strategi dasar bagi semua bidang pembangunan kehidupan manusia antaranya dengan membangunkan ilmu dan pendidikan atas idea tersebut. Dengan dibantu faham rasionalisme, empirisme dan pragmatisme (Kamal Hassan, 1986) maka sistem pendidikan di Negara umat Islam yang mengalami pembaratan dan penyusupan idea sekularisme dan menerima ilmu pengetahuan yang telah disekulkarkan telah merosakkan pemikiran masyarakatnya. Sarjana Islam melihat bahawa sistem pendidikan umat Islam hari ini telah merosakkan umat Islam sendiri. Mereka antara lain menegaskan sistem pendidikan yang diimport dari Barat oleh Negara-negara umat Islam bagi memajukan prasarana tamadun mereka telah memenuhi keperluan dan kehendak kebendaan mereka. Ia memberi orang-orang Islam pengetahuan yang membantu mereka mencapai kemajuan teknologi, tetapi pada masa yang sama ia mewujudkan dalam fikiran mereka keraguan dan kekeliruan serta kemasuhan personaliti manusia dan nilai-nilai sama seperti yang diderita oleh Barat (S. Ashraf dan S. Husein, 1989).

Adanya dualisme pendidikan agama dan sekular telah menghasilkan pelajar dan masyarakat Islam yang tidak memiliki personaliti mahupun ilmu yang bersepada (Tajul Arifin Noordin, 2003; Mujamil Qomar, 2005). Walaupun pada ketika ini terjadi peningkatan kesemarakan kehidupan beragama di kalangan umat Islam, tapi masih bersifat aspek luarannya, formal atau simbolik. Belum terjadi peningkatan kedalaman makna dan substansi yang pada gilirannya dapat meningkatkan kualiti kehidupan sosial kemasyarakatan. Terdapat pertentangan antara kesalehan keagamaan yang bersifat formal dan personal dengan kesalehan sosial dan komunal. Menjadi sebuah dilema jika warga masyarakat seakan rajin menjalankan ibadah ritual dan keagamaan, tetapi pada masa yang sama juga terjadi peningkatan perbuatan korupsi yang melanggar ajaran agama (Azyumardi azra, 2005).

Perkara ini berlaku kerana akibat pengaruh dari dualisme dalam pendidikan yang memisahkan aqidah, nilai-nilai kerohanian (agama) dari proses mental secara saintifik dalam pengajaran dan pembelajaran. Tuhan tetap disembah dan diyakini wujud-Nya, tapi tidak ditemukan hubungannya dengan pikiran, ilmu atau sains. Kepercayaan kepada Allah dipisahkan daripada proses kognitif didalam pendidikan formal yang asasnya adalah sekularisme dimana tiada hubungan dan penghayatan terhadap konsep ketuhanan didalam kurikulum dan pengajaran. Ilmu dan pendidikan tersisih dari nilai fitrah manusia dan pendidikan tumbuh dalam binaan asas yang menolak faktor pendidikan yang bersifat

ketuhanan. Akhirnya ilmu dan pendidikan menjadi sekular dan melahirkan para pelajar yang melihat faktor duniawi mengatasi segala-galanya. Agama tidak dijadikan pertimbangan utama dalam penyuburan ilmu dan pembangunan pendidikan sehingga menyebabkan fahaman sekular berkembang. Corak dan bentuk dualistik ini ada dalam sistem keyakinan, sistem pemikiran, sikap, cita-cita dan perilaku pelajar yang beragama Islam (Amrullah Ahmad (1991).

Sedangkan dipihak lain, sistem pendidikan keagamaan melihat agama sebagai ajaran universal yang memiliki nilai-nilai transenden suci yang harus dilaksanakan. Justeru itu aspek pelajaran agama harus diutamakan walaupun terkadang ada yang salah memahami dan menafsirkan yang mengakibatkan berlakunya kekerasan atas nama agama. Walau bagaimanapun, akibat pengaruh globalisasi dan materialisme yang merajalela sistem pendidikan agama menghadapi cabaran semakin kehilangan daya tariknya di masyarakat. Pendidikan agama di sekolah-sekolah umum juga semakin kurang diminati oleh pelajar kerana mata pelajaran tersebut dianggap tidak ikut menentukan kejayaan dalam pekerjaan dan status sosial di masa hadapan. Persoalan ini berlaku disebabkan oleh perhatian pelajar dan corak pembelajarannya lebih bersifat pendoktrinan daripada rangsangan untuk berfikir sehingga kurang menyokong ke arah perkembangan intelektual pelajar (Syafiq A. Mughni, 2001).

Salah satu usaha yang dipilih dalam menghilangkan dualisme pendidikan adalah dengan menambahkan mata pelajaran agama dalam kurikulum pendidikan kebangsaan dan pelajaran umum pada pendidikan keagamaan (Islam). Keadaan ini justeru semakin menguatkan dikotomi yang telah ada kerana masing-masing mata pelajaran sesuai kategori keilmuan, berakar pada lingkungan budaya, ideologi, nilai, keyakinan dan epistemologi yang berbeza. Justeru itu, apabila sistem integrasi seperti ini tetap dipertahankan maka akan melahirkan kaum sekular baru yang memisahkan kehidupan berislam dengan kemasyarakatan. Bahkan selepas berlakunya peristiwa 11 september 2001 justeru beberapa institusi pendidikan agama di Indonesia khasnya mendapat sorotan dianggap sebagai sarang teroris yang mengajarkan radikalisme (Endang Turmudi & Riza Sihbudi, 2005).

Mengikut Amrullah Ahmad dalam Muslih Usa (1991: 52), persoalan dualisme pendidikan ini berlaku kerana kegagalan umat Islam dalam memahami makna tauhid dan hidup bertauhid yang dapat mencorakkan hidupnya. Kesan dan pengaruhnya dalam diri orang Islam ialah menyebabkan lahirnya penduaan (*syirik*) yang berakibat adanya dikotomi pemikiran umat Islam (*fikrah islami*). Dikotomi pemikiran ini menyebabkan adanya dikotomi orientasi keilmuan atau kurikulum yang berpengaruh terhadap proses pencapaian tujuan pendidikan yang akan menghasilkan keluaran pendidikan dalam bentuk *split personality* dalam erti “kemusyrikan”, “kemunafikan” yang melembaga dalam sistem keyakinan, sistem pemikiran, sikap, cita-cita dan perilaku. Rentetan dari kekeliruan pemikiran ilmiah ini menyatakan akibatnya dalam kesongsangan akhlak dan kebudayaan yang menandakan kemerosotan ilmu mengenai agama dan iman di kalangan umat Islam.

Menerusi konsep-konsep sekular dan dualisme, Barat hampir berjaya memecahkan integrasi jasad dan roh yang diajarkan oleh Islam. Penaklukan budaya yang meluas dan terencana melalui pembaratan sistem pendidikan dan globalisasi, menjadi alat utama bagi melemahkan perasaan keagamaan dan memperkuatkan sikap-sikap sekularis dan dualistik di kalangan umat Islam. (Kamal Hassan, 1986). Faktor pembaratan telah menyebabkan ramai

kalangan masyarakat Islam menjadi dualistik. Sejarah tamadun Islam telah menunjukkan bahawa ilmu dan pendidikan Islam berlaku secara integratif. Ilmu mengurus diri seperti akidah, ibadah, akhlak dan syariah mendasari ilmu-ilmu mengurus sistem. Rentetan dari kekeliruan pemikiran ilmiah ini menyatakan akibatnya dalam kesongsongan akhlak dan kebudayaan dan menandakan kemerosotan ilmu mengenai agama dan iman yang berpengaruh terhadap pegangan nilai dan identiti sebagai seorang muslim.

Faktor globalisasi yang sedang berjalan disamping faktor positif yang boleh dimanfaatkan pula menjadikan umat Islam terjebak dalam proses pembaratan. Penjajahan pemikiran, gaya hidup, ekonomi dan teknologi amat ketara berlaku dalam kehidupan orang Islam khususnya di kalangan generasi muda. Menerusi konsep-konsep sekular dan dualisme pendidikan, Barat hampir berjaya memecahkan integrasi jasad dan roh, ilmu dan agama yang diajarkan oleh Islam. Penaklukan budaya yang meluas dan tereneana melalui pembaratan sistem pendidikan dan globalisasi, menjadi alat utama bagi melemahkan perasaan keagamaan dan memperkuatkan sikap-sikap sekularis di kalangan umat Islam. (Kamal Hassan, 1986). Sistem pendidikan liberal sekular Barat dan nilai-nilainya yang dikamirkan ke dalam kehidupan telah memusnahkan sistem sosial umat Islam. Sistem ini juga sentiasa mempromosikan idea-idea asing yang mempengaruhi pelajar untuk melihat agama sebagai hal pribadi bukan untuk kehidupan sosial mereka. Sistem ini menerapkan nilai-nilainya menerusi seni pengitegrasian yang mana secara perlahan-lahan kanak muslim mengabaikan nilai-nilai dan identiti Islam untuk diasimilasi ke dalam sistem Barat (Tueyba Salauddin, 2003).

Pelbagai perilaku dan budaya yang tidak mencerminkan nilai-nilai dan identiti keislaman yang berlaku pada masa ini dikenalpasti adalah akibat dari pengaruh dualisme pendidikan tersebut (Amrullah Ahmad, 1992). Gejala sosial seperti rasuah, salah guna kuasa sama ada kaki tangan kerajaan mahupun swasta dari pangkat tertinggi hingga terendah berlaku hampir di segenap lapisan sosial tanpa mengira peringkat umur dan status sosial, sama ada lepasan pendidikan sekular kebangsaan mahupun keagamaan. Kes-kes yang membabitkan pelajar seperti masalah disiplin, perkelahian, perlakuan sumbang, terlibat aktiviti haram, kurang bersopan santun, merupakan indikasi adanya rosotan nilai dan keruntuhan akhlak di kalangan pelajar dan masyarakat. Fenomena ini memperlihatkan terjadinya krisis nilai dan mulai hilangnya identiti keislaman yang menjadi pegangan masyarakat muslim. Akibat pengaruh sekularisme dan modenisme, masyarakat Islam mengalami transformasi nilai dan identiti yang melibatkan perubahan dalam amalan hidup beragama dan tafsirannya terhadap agama. Perkara ini memunculkan nilai-nilai baru yang akan berhadapan dengan nilai yang berkembang dari doktrin-doktrin agama boleh menjadikan pelajar remaja mengalami dilema krisis nilai. Krisis yang menimpa ini dapat meresap masuk ke seluruh aspek kehidupan baik dari aspek pemikiran, tindakan dan amalannya sehari-hari melalui sistem pendidikan baik keluarga, sekolah mahupun persekitaran sosial.

WORLDVIEW DAN PEMBENTUKAN NILAI DAN IDENTITI

Pembentukan nilai dan identiti pelajar menerusi pendidikan sememangnya tidak dapat dipisahkan dengan pandangan hidup (Worldview). Kemunculan nilai dan moral dalam diri seseorang ditentukan oleh corak pandang hidupnya terhadap makna realiti alam dan kebenaran. Diantara karakter yang membezakan antara makna pandangan hidup Islam dan Barat adalah keluasan maknanya. Makna worldview dalam kajian keagamaan moden terhad

kepada agama dan ideologi sekular. Dalam pandangan Islam makna worldview menjangkau makna pandangan Islam terhadap hakikat dan kebenan tentang alam semesta (*ru'yat al-Islam li al-wujud*). Ia tidak terbatas pandangan akal manusia terhadap dunia fizikal atau keterlibatan manusia didalamnya dari segi historik, sosial, politik dan kultur. Pandangan hidup Islam mencakupi aspek dunia dan akhirat, dimana aspek dunia terkait secara erat dan mendalam dengan aspek akhirat, sedangkan aspek akhirat harus diletakkan sebagai aspek final (al-Attas, 1997).

Pembentukan nilai dan identiti individu dipengaruhi oleh pembelajaran yang dilaluinya dalam sistem pendidikan sama ada formal dan tidak formal, bercorak sekular liberal ataupun keagamaan. Justeru menerusi kedua-dua corak dan proses pendidikan tersebut pandangan hidup (worldview) akan terbentuk secara perlahan dalam pikiran individu pelajar menjadi struktur-struktur konsep dalam pikirannya. Proses terbentuknya struktur konsep dalam worldview ini bermula dari struktur tentang *kehidupan*, termasuk didalamnya konsep hubungan antar sesama, erti dan tujuan hidup (dalam kes Islam boleh bertambah menjadi erti hidup dunia dan akhirat), cara-cara manusia menjalankan kehidupan sehari-hari, sikap-sikap individual dan sosialnya, dan sebagainya. Sesudah konsep hidup dan kehidupan berkembang dalam pikiran seseorang maka secara alami pula konsep mengenai *dunia* dimana manusia hidup akan terbentuk. Pandangan dan konsep mengenai dunia di sekitarnya ini akan melahirkan konsep *ilmu pengetahuan*. Struktur tentang ilmu pengetahuan adalah merupakan pengembangan dari struktur dunia (dalam transparent worldview). Gabungan dari struktur konsep *kehidupan*, *dunia* dan pengetahuan ini melahirkan konsep yang lebih canggih lagi iaitu struktur konsep *nilai* dan *moral* mulai berkembang. Setelah keempat struktur itu terbentuk dalam pandangan hidup seseorang secara *transparent*, maka struktur tentang *diri manusia* akan terbentuk secara automatik. Pengetahuan yang diterima oleh akal akan menjadi bagian dari struktur worldview dan yang ditolak tidak akan menjadi bagian dari struktur itu. Seseorang boleh mengetahui faham sekularisme, misalnya, tapi ia tidak mesti menerima faham itu. Teori ini berlaku secara umum pada semua kebudayaan dan dapat menjadi asas yang sesuai bagi menggambarkan timbul dan berkembangnya pandangan hidup manapun, termasuk pandangan hidup Islam. Justeru kegiatan keilmuan dan pendidikan apapun sama ada dalam tamadun Barat, Timur mahupun peradaban Islam dapat ditelusuri dari pandangan hidup masing-masing.

Walau bagaimanapun keseluruhan struktur konsep ini tidak selalunya terbentuk secara berurutan. Konsep-konsep yang terkumpul itu tentunya melalui proses dan mekanisma berfikir yang menerima dan menolak pengetahuan yang diperolehnya secara selektif melalui pembelajaran, interaksi dan sosialisasi. Bagi beberapa kalangan sarjana dan ilmuan memiliki banyak persamaan dalam menentukan elemen yang menjadi asas pembentukan worldview. Thomas Wall (2001) menyatakan bahawa elemen pandangan hidup ditentukan oleh pemahaman individu terhadap enam bidang pembahasan iaitu Tuhan, ilmu, realiti, diri, etika dan masyarakat. Sementara Ninian Smart (2000) pula menetapkan enam elemen worldview yang ia sebutkan sebagai dimensi agama iaitu: doktrin, mitologi, etika, ritual, pengalaman dan kemasyarakatan. Adapun Naqib al-Attas (1996) menetapkan bahawa elemen asas bagi pandangan hidup Islam adalah konsep tentang hakikat Tuhan, tentang wahyu (al-Qur'an), tentang penciptaan, tentang hakikat kejiwaan manusia, tentang ilmu, tentang agama, tentang kebebasan, tentang nilai dan kebijakan, tentang kebahagiaan.

Dalam kajian Thomas F. Wall mengenai kaitan konsep dalam worldview dan moral sangat jelas memperlihatkan bahawa kepercayaan kepada Tuhan adalah sangat penting dan mungkin elemen terpenting dalam pembentukan nilai. Pertama jika kita percaya bahwa

Tuhan itu wujud, maka sangat mungkin kita percaya bahwa disana ada erti dan tujuan hidup. Dan apabila kita konsisten kita akan percaya bahwa sumber nilai dan moral bukanlah sekadar kesepakatan yang dibuat oleh manusia, tapi merupakan kehendak Tuhan, dan Tuhan adalah nilai tertinggi. Selanjutnya, kita harus percaya bahwa ilmu dapat lebih dari apa yang dapat diamati (empirikal) dan disana terdapat realiti yang lebih tinggi, iaitu alam supernatural. Sebaliknya jika kita tidak percaya pada Tuhan dan alam itu hanya satu (dunia ini sahaja), lalu apakah akan kita percayai tentang erti hidup, hakekat diri kita, hidup sesudah mati, sumber standard moraliti, kebebasan dan tanggung jawab dan sebagainya ?. Dalam konteks Islam, pandangan hidup (*worldview Islam*) merupakan faktor internal yang diperolehi melalui beberapa siri pengetahuan terhadap ajaran Islam. Pandangan hidup Islam terbentuk melalui proses epistemologi terhadap pemerolehan ilmu pengetahuan dan pendidikan Islam. Selain faktor dalaman, kognisi pengetahuan Islam pelajar juga dibentuk oleh pelbagai faktor luaran yang secara bersama-sama membentuk dan mengarahkan pandangan serta sikap individu. Terbentuknya nilai, personaliti dan identiti individu adalah berkait rapat dengan sistem keyakinan dan pandangan hidupnya.

Justeru di sinilah dapat ditemukan hubungan pembentukan pegangan nilai dan personality-identiti seorang individu yang mana sangat ditentukan oleh asas pemikiran dan corak pandangan hidupnya melalui sistem pembelajaran dalam pendidikan dan interaksi sosial. Walaupun konsep nilai mengandungi pelbagai dimensi yang berkait rapat dengan kepercayaan, kognisi, norma, sikap, moral dan tingkah laku, namun dapat disimpulkan bahawa asas pemikiran, nilai, dan kelakuan seseorang itulah yang digelar sebagai world-view atau pandangan hidup. Justeru itu Rokeach (1973), menyatakan nilai sebagai kepercayaan yang berterusan tentang sesuatu mod perlakuan atau keadaan mutakhir yang menjadi pilihan personal dan sosial. Halstead (1996), mentakrifkan nilai sebagai prinsip, keyakinan, asas, ideal, standard, atau pendirian hidup yang berperanan sebagai panduan umum kepada tingkah laku atau sebagai titik rujukan dalam membuat keputusan atau menilai kepercayaan atau tindakan. Taylor (1961), nilai adalah darjah dan peraturan, yang secara tergabung membina cara hidup seseorang manusia. Nilai merujuk kepada kepentingan, faedah, mutu tentang segala benda, perkara dan fenomena yang terdapat serta berlaku di dalam alam semesta ini. Nilai adalah aspek kualitatif dan subjektif hasil pertimbangan pemikiran dan emosi manusia tentang pengalamannya dalam proses interaksi dengan alam sekitar dan masyarakat manusia. Hasil daripada pertimbangan pemikiran dan emosi, maka manusia meletakkan sesuatu nilai kepada segala apa yang dialaminya. Selain itu manusia juga memberikan darjah-darjah nilai yang berbeza-beza kepada sesuatu perkara yang dipertimbangkannya. Oleh yang demikian, manusia menetapkan nilai ‘baik atau bagus’ kepada perkara yang mendatangkan faedah, keseronokan kesejahteraan. Nilai yang ‘buruk atau jahat’ diberikan kepada perkara yang mendatangkan kemudarat dan yang mengganggu kesejahteraan hidup (Sufean, 1996).

Dapat disimpulkan bahawa merujuk kepada Bongkah Ais kelakuan manusia, pembentukan nilai dan identiti pelajar remaja Islam adalah bermula dari dalam. Sistem keyakinan (iman) akan membentuk pandangan hidup, yang kemudiannya membentuk nilai seseorang (apa yang dirasainya benar, baik dan betul). Nilai ini kemudiannya membentuk sikap. Sikap itulah yang akan melahirkan kelakuan dan karakter. Karakter yang sinonim dengan peribadi seseorang itulah yang membentuk personaliti dan identiti. Dalam pembentukan nilai Islam, terdapat 2 perkara yang jelas, apabila seseorang itu diperingkat percaya, ia hanya berdasarkan fikiran yang bertapak di akal. Peringkat ini tidak lagi mantap.

emudiannya, apabila seseorang itu diperingkat yakin, ianya berdasarkan penghayatan yang bertapak di hati. Peringkat ini adalah lebih mantap dan berpengaruh pada diri seseorang. Ia menimbulkan entiti "rasa". Dalam Islam, keyakinan inilah yang menimbulkan rasa seseorang itu dilihat, diawasi dan dipantau oleh Allah SWT. Keyakinan yang mantap ini akan membentuk pandangan alam set minda yang tepat. Inilah yang dinamakan "Tauhidic Mindset" atau Tauhid Paradigm. Dengannya, seseorang akan melihat, menilai dan merasai segala-galanya dengan kesedaran wujudnya Tuhan Yang Maha Berkua. Dalam hal ini, seseorang itu tidak akan merujuk hanya kepada akal, hati dan emosinya sahaja, tetapi ia akan merujuk kepada wahyu dan sunnah, iaitu rujukan tertinggi alam pengurusan. Rujukan yang sebegini sahajalah yang akan melestarikan apa jua yang kita lakukan, alam sekitar terpelihara dan ummah manusia akan berwatakkan insan kamil. Kebahagiaan dan kemakmuran dunia akan terjamin.

SOSIALISASI NILAI DAN IDENTITI MENERUSI PENDIDIKAN DAN INSTITUSI SOSIAL

Sosialisasi merupakan proses alamiah yang membimbing individu untuk mempelajari, memahami dan mengamalkan nilai-nilai, ilmu pengetahuan, norma-norma, serta keterampilan yang dimiliki oleh masyarakat dari satu generasi ke generasi lain. Sosialisasi sangat diperlukan terhadap keberlangsungan pendidikan bagi individu sebagai anggota masyarakat. Proses pensosialan berlaku melalui agen-agen sosial pendidikan yang membentuk formal dan tidak formal diantaranya ialah keluarga, sekolah, rakan sebaya, media massa dan lingkungan persekitaran (Hazil Abdul Hamid, 1990). Kanak-kanak sejak kecil lagi telah dikelilingi oleh agen-agen sosialisasi termasuklah ibu bapa, pengasuh dari tadika dan juga dari keluarga yang terdekat. Apabila mereka di bangku sekolah, agen sosialisasi telah bertambah banyak seperti sekolah sendiri, rakan sebaya dan persatuan yang mereka ceburi. Keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan tingkah laku, sikap, nilai, motif, kepercayaan, personality dan kemahiran yang tertentu. Perhubungan dan pendidikan yang baik dan bersepdu akan membentuk nilai dan identiti individu ikatan kekeluargaan dan kemasyarakatan yang kukuh. Jean Piaget ahli psikologi terkenal berpendapat bahawa pembentukan personaliti seseorang ialah berdasarkan empat perkembangan kognitif seseorang, iaitu 0-2 tahun, 2- 6 tahun, 6-12 tahun dan 12-15 tahun. Sekiranya seseorang kanak-kanak dapat melalui perkembangan proses sosialisasi tersebut dengan teratur maka dapatlah ia menyesuaikan diri dengan masyarakatnya.

Proses sosialisasi membuat seseorang menjadi tahu bagaimana seharusnya bertingkah laku di tengah-tengah masyarakat dan lingkungan budayanya. Justeru sosialisasi nilai dalam konteks kajian ini adalah lebih melihat kepada proses pembelajaran dan interaksi sosial yang berlaku dan yang ditimbulkan dari hasil pendidikan yang bersifat dualistik sama ada dalam lingkungan pendidikan formal atau non-formal. Corak sistem pendidikan yang beraliran kebangsaan (sekolah) atau yang beraliran keagamaan (madrasah dan pondok pesantren) berperanan dalam membentuk nilai dan identiti individu sama ada pada peringkat kanak-kanak remaja mahupun orang dewasa yang terhasilkan oleh kedua-dua sistem pendidikan ini.

Dalam proses pendidikan formal, guru ataupun ustaz berperanan penting dalam mengajarkan pelajaran kepada pelajar, tidak boleh hanya sebagai penyampai maklumat yang tidak memberikan kesan yang bernilai bagi kognisi, afeksi dan psikomotor pelajar. Penghayatan nilai dan moral pelajar dalam setiap mata pelajaran atau kandungan kurikulum yang dipelajarinya sangat bergantung kepada corak keluasan makna setiap ilmu yang

dalam alam persekolahan melalui interaksi pengajaran dan pembelajaran dan latihan serta sosialisasi. Begitu pula dengan persekitaran di sekolah sangat mempengaruhi pencapaian pelajar dalam akademik maupun sahsiahnya. Sekolah yang mempunyai persekitaran positif religious akan melahirkan pelajar yang cemerlang dan Islamik. Pelajar memerlukan persekitaran sekolah yang positif daripada segi layanan, persekitaran yang menyenangkan dan kemudahan yang lengkap. Budaya sekolah berkesan kerana wujudnya persaingan sihat serta dapat memotivasi pelajar supaya membuat yang terbaik.

Nilai di sekolah adalah berlainan daripada nilai di rumah. Berlakunya pertentangan nilai telah membawa kepada krisis personaliti kepada pelajar yang akan mempengaruhi pencapaian pendidikannya. Guru adalah golongan yang rapat dengan pelajar. Pelajar mudah terpengaruh dengan setiap pertuturan atau kelakuan gurunya. Guru seringkali digambarkan sebagai orang yang bertingkahlaku baik dan menjadi contoh kepada masyarakat. Tanpa disedari, masyarakat meletakkan tanggapan itu di bahu guru yang bertanggung jawab dalam mendidik pelajar yang baik. Hubungan baik guru dan pelajar penting bagi membentuk peribadi pelajar. Mudah mempengaruhi dan mendidik. Hubungan negatif tidak dapat mendidik pelajar ke arah kebaikan sebab pelajar tidak menghormati dan mengikuti nasihat gurunya. Pendidikan di sekolah hendaklah membentuk manusia dan mengembangkannya dari aspek jasmani dan mental. Sekolah perlu mengimbangkan nilai kebendaan dengan nilai rohani seperti bersabar, bekerjasama, bermurah hati dan sentiasa mempunyai fikiran yan tenang lagi tersusun.

Demikian pula halnya dalam lingkup pendidikan dalam keluarga. Semenjak dilahirkan, kanak-kanak atau remaja mula mempelajari tentang nilai-nilai dan moral daripada ibubapa serta persekitarannya. Peneguhan kepada suruhan-larangan dan pujian (ganjaran)-teguran (hukuman) dijadikan sempadan untuk membina konsep perlakuan yang baik dan buruk. Sikap dan amalan keluarganya yang bersifat *altruism* (terserah pada nasib semata-mata), atau *hedonism* (mengikut hawa nafsu semata-mata), atau *religius* (berpegang teguh kepada ajaran agama) akan mempengaruhi asas pembentukan jiwa dan seterusnya kepribadian kanak-kanak (Abdullah Nasih Ulwan, 1988). Sering juga para ibu bapa mengambil mudah terhadap pelajar dengan tidak memberi ruang dan perhatian pada mereka. Kesilapan ibu bapa yang memandang rendah dan tidak menghormati pelajar akan mempengaruhi pemikiran dan perasaannya dalam membentuk nilai dan peribadi yang baik. Ibu bapa perlu mengambil peranan dengan memberi banyak masa untuk berbincang dan bersemuka dengan pelajar. Tidak memperkecilkan kemampuan dan menolak pendapat pelajar, akan tetapi dihargai dan dihormati segala cadangan yang diberikan.

Rakan sebaya juga adalah orang yang paling rapat dengan pelajar. Mereka lebih selesa dan suka menghabiskan masa bersama rakansebaya setiap masa berbanding dengan keluaraga. Oleh itu mereka lebih bebas, terbuka dan percaya pada rakan sebaya semasa menghadapi masalah berbanding dengan keluaraga sendiri. Peringkat usia remaja (15-20) tahun adalah masa perubahan yang dramatik. Remaja inginkan kebebasan tetapi rasa terhutang budi pada ibu bapa kerana sudah menyokong mereka dalam pelbagai aspek (Azizi, 2004). Mereka sayang kepada ibu bapa, tetapi pada masa yang sama ingin mencari identiti diri sendiri. Perasaan ingin menentang dan memberontak sangat ketara dan boleh mengakibatkan jurang antara remaja dan ibu bapa. Nilai-nilai yang menjadi pegangan rakan sebaya menjadi pengaruh yang besar pada sikap, pakaian dan nilai remaja. Keadaan seperti ini menimbulkan perasaan serba salah di kalangan remaja. Remaja kini terpaksa memilih sama ada menurut kehendak ibu bapa ataupun nilai-nilai rakan sebaya. Perasaan takut

isingkir oleh rakan sebaya kadang-kadang memaksa mereka tidak mematuhi nilai-nilai ibu bapa (Azizi Yahaya, et.al., 2005).

Selain daripada itu, media massa juga merupakan agensi tak formal untuk pendidikan yang memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan tradisi lisan. Selepas akhbar, majalah dan buku-buku, radio film juga memainkan peranan dalam pensosialan nilai baik dan buruk. Televisyen memainkan peranan yang amat berkesan kerana beberapa pancaindera berfungsi dalam satu masa. Televisyen ini hampir semua keluarga memiliki yang merupakan agensi pendidikan tidak formal yang mensosialisasikan nilai dan modul-modul peranan dengan sangat jelas kepada kanak-kanak dan remaja.

Pembentukan nilai dan identiti remaja juga banyak dipengaruhi oleh masyarakat. Matlamat hidup remaja sangat dipengaruhi oleh pilihan-pilihan yang wujud di persekitaran dan dinilai oleh masyarakat. Kebiasaan sikap pelajar adalah sikap egosentrik iaitu kecenderungan bertelagah dengan orang yang ada autoriti. Pembentukan nilai dan identiti remaja juga dipengaruhi oleh masyarakat sepertimana matlamat-matlamat hidup seseorang dipengaruhi oleh pilihan-pilihan yang wujud di persekitaran dan dinilai oleh masyarakat. Kanak-kanak dan remaja merupakan sebahagian daripada masyarakat di mana ia berada. Faktor-faktor masyarakat dan kebudayaan di dalam alam keliling remaja mempengaruhi pembentukan nilai dan identiti remaja. Alam keliling ini mempengaruhi masyarakat keliling dari segi nilai dan seterusnya kepada perlakuan manusia. Nilai dan perlakuan masyarakat sekeliling akan mempengaruhi pandangan hidup remaja dan generasi muda (Yahaya Don, 2006).

PENUTUP

Pada umumnya latar belakang di rumah, mudah mempengaruhi tingkah laku dan sikap murid di sekolah. Seandainya murid diasuh dengan pendidikan yang baik oleh ibu bapa di rumah maka terjadilah unsur-unsur persamaan dan penyambungan dari segi nilai tersebut apabila mereka berada di sekolah. Pelbagai nilai yang terkumpul hasil daripada berbagai-bagai pengalaman pembelajaran di rumah, sekolah maupun di luar sekolah, membentuk suatu sistem nilai yang tersendiri kepada kanak-kanak dan remaja. Bermula dari alam remaja, perubahan-perubahan fisiologi turut merubah struktur sosialisasi sehingga menimbulkan banyak konflik psikologi dan nilai-nilai dan identiti yang sedia ada dalam diri remaja. Semakin luas jurang perbezaan antara sistem nilai yang sedia ada dengan sistem nilai yang dituntut oleh budaya persekitaran, maka semakin tinggi pula rasa kekecewaan di kalangan remaja sehingga menimbulkan berbagai-bagai masalah devians atau tidak beretika.

Bibliografi

- Yahaya Don, 2006. Psikologi Sosial dalam Penidikan. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing
- Hazil Abdul Hamid, 1990. Sosiologi Pendidikan dalam Perspektif Pembangunan Negara. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suffean Hussin, 1996. Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azizi Yahaya, et. Al., 2005. Aplikasi Kognitif dalam Pendidikan. Pahang: PTS Profesional Publishing
- Abdullah Nasih Ulwan, 1988. *Pendidikan Anak-Anak dalam Islam*. Alih Bahasa oleh Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd. Jilid 2.
- Alparslan Acikgence, "The Framework for A history of Islamic Philosophy", *Al-Shajarah, Journal of The International Institute of Islamic Thought and Civilization*, (ISTAC, 1996, vol.1. Nos. 1&2, 6).
- Asmawati Suhid, 2005. "Kerelevanan Pendidikan Nilai dan Agama Dalam Pembentukan Masyarakat Madani", dlm. *Jurnal Pendidikan Islam*, Jilid 11, Bil.2, Mac 2005, hal.69-82.
- Hasheem, O. 1988. *Menaklukkan Dunia Islam*. Surabaya: Yapi.
- Mohd. Nasir Omar. 2005. Gagasan Islamisasi Ilmu. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Mujamil Qomar, 2005. Pesantren : dari Transformasi Metodologi Menuju Demokratisasi Institusi. Jakarta: Erlangga
- Ninian Smart, 2000. *Worldviews: Crosscultural Explorations of Human Beliefs*. Third Edition. Prentice Hall.